



Majlis Ugama Islam Singapura

Khutbah Jumaat

11 Mac 2016 / 2 Jamadilakhir 1437H

**Berlaku Adil Terhadap Nikmat Kurniaan Allah**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْعَنِيِّ الْحَمِيدِ وَأَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَهُوَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدَهُ وَرَسُولَهُ الْمَبْعُوثُ بِالرَّحْمَةِ وَالْقَوْلِ السَّدِيدِ، اَللّٰهُمَّ صَلِّ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَسَلِّمْ وَسَلِّمْ تَسْلِيمًا كَثِيرًا. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah,

Pada hari Jumaat yang mulia ini, marilah kita bertakwa kepada Allah s.w.t. dengan sebenar-benar ketakwaan. Laksanakan segala perintah Allah s.w.t. dan jauhkan diri dari segala tegahanNya.

Sidang hadirin yang dirahmati,

Allah s.w.t. telah berfirman di dalam Surah Ibrahim ayat 34:

وَأَتَاكُمْ مِنْ كُلِّ مَا سَأَلْتُمُوهُ وَإِنْ تَعُدُّوا نِعْمَتَ اللَّهِ لَا تَحْصُوهَا إِنَّ الْإِنْسَانَ لَظَلُومٌ كَفَّارٌ ﴿٣٤﴾

Yang bermaksud: *“Dan dia Telah memberikan kepadamu (keperluanmu) dan segala apa yang kamu mohonkan kepadanya. dan jika kamu menghitung nikmat Allah, tidaklah dapat kamu menghitungnya. Sesungguhnya manusia itu, sangat zalim dan sangat mengingkari (nikmat Allah)”*.

Saudaraku,

Pada ayat yang baru dibacakan sebentar tadi, Allah s.w.t. mengingatkan kita bahawa insan yang mengingkari nikmat Allah s.w.t. itu sebenarnya telah berlaku zalim. Bahkan sebagaimana yang telah dijelaskan pada khutbah minggu lalu tentang kepentingan berlaku adil, keadilan menuntut kita untuk meletakkan sesuatu pada tempatnya dan memberikan setiap perkara haknya. Tanpa keadilan, kezaliman yang akan timbul dan berleluasa.

Bahkan di dalam Al-Quran, Allah s.w.t. telah berulang kali, mengingatkan kita akan kisah-kisah mereka yang tidak berjaya mendapat rahmatNya, kerana tidak berlaku adil terhadap nikmat yang Allah kurniakan. Mereka tidak menggunakan nikmat Allah untuk kebaikan dan ibadah kepada Allah bahkan mereka gunakannya hanya untuk memuaskan nafsu dan keinginan hati mereka. Contohnya, Firaun ditenggelamkan bersama bala tenteranya kerana kufur terhadap nikmat kekuasaan. Qarun ditenggelamkan ke dalam perut bumi bersama harta bendanya kerana kufur terhadap nikmat harta.

Begitu juga Hamman tidak menghargai nikmat kecerdikan yang Allah s.w.t. kurniakan kepadanya.

Saudara,

Salah satu nikmat kurniaan Tuhan yang amat besar namun mungkin telah dipandang remeh oleh sebahagian kita adalah nikmat sumber alam secara khususnya air bersih. Tahukah anda bahawa bagi setiap 9 penduduk bumi, terdapat 1 individu yang tidak mendapatkan sumber air yang bersih? Mungkin kerana terlalu mudah kita mendapatkan air bersih di negara ini, kita tidak terlalu memikirkan betapa besarnya nikmat Allah ini ketika menggunakannya tidak kiralah untuk tujuan ibadah seperti wudhu mahupun tujuan keperluan kehidupan lain. Amat jarang kita merasakan sekatan air ataupun kepayahan mendapatkan air bersih sebagai sumber minuman. Ingatlah saudara setiap titisan air itu pada hakikatnya adalah titisan nyawa dan kehidupan. Air merupakan keperluan asas seluruh kehidupan makhluk yang mana tanpanya akan hancurlah kehidupan. Perhatikan firman Allah s.w.t. berkaitan nikmat air kurniaanNya:

وَجَعَلْنَا مِنَ الْمَاءِ كُلِّ شَيْءٍ حَيٍّ أَفَلَا يُؤْمِنُونَ ﴿٣٠﴾

Yang bermaksud: *“Dan kami jadikan daripada air segala kehidupan, apakah mereka tidak beriman”*. [Surah Al-Anbiya’: 30]

Maha Benar Tuhan Pencipta, tatkala Dia menetapkan bahawa air itu merupakan sumber kehidupan di dunia ini. Bayangkan saudaraku, apakah yang akan berlaku sekiranya nikmat air itu ditarik daripada kita, seperti yang berlaku disebahagian negara. Bagaimanakah agaknya kesusahan yang bakal menimpa kita dan keluarga? saya yakin kita masih ingat kejadian cuaca kering berlarutan yang pernah melanda Singapura tidak begitu lama dahulu. Kita sendiri telah menyaksikan bagaimana sebahagian dari pohon-pohon dan tanam-tanaman mengalami kekeringan bahkan kita juga mula merasa kerisauan. Ini kerana selain kekurangan sumber air, cuaca kering juga telah menyebabkan peningkatan nyamuk yang membahayakan disekitaran kita. Oleh itu belajarliah untuk berlaku adil terhadap segala nikmat air yang ada.

Saudara,

Maka sejajar dengan dorongan syarak untuk kita menghargai nikmat air tersebut, mari kita bersama-sama bertekad untuk mengamalkan sunnah Nabi tersebut, dengan berjimat-cermat dalam penggunaan air kita. Ia bermula dari diri kita dulu. Dengan membentuk dalam diri anak-anak kita, dan ahli keluarga kita, rasa penghargaan terhadap nikmat air, dengan tidak membazir penggunaan air, walaupun setitis. Bayangkan bagaimana Nabi s.a.w. dengan secara sedar mengambil wudhu menggunakan air sebanyak satu mudd (sekitar setengah liter). Kita juga perlu mempunyai kesedaran sedemikian kerana itulah

hasil keimanan yang kita inginkan. Ingatlah firman Allah s.w.t. di dalam Surah Al-Isra' ayat 27:

إِنَّ الْمُبَذِّرِينَ كَانُوا إِخْوَانَ الشَّيَاطِينِ وَكَانَ الشَّيْطَانُ لِرَبِّهِ  
كَفُورًا ﴿٢٧﴾

Yang bermaksud: "Sesungguhnya orang yang membazir itu adalah kawannya Syaitan, dan Syaitan itu engkar terhadap tuhannya".

Oleh itu, marilah kita berusaha untuk menjimatkan penggunaan air. Bukan sahaja semasa kita berwudhu, bahkan dalam segala aspek kehidupan kita. Ketahuilah setiap usaha yang kita jalankan dalam penjimatan air merupakan suatu amalan yang terpuji di sisi Allah, dan ia menyumbang kearah kesejahteraan dunia. Kita bermohon pada Allah s.w.t. agar diberikan kesejahteraan dan keselamatan buat diri kita, keluarga dan negara kita dari segala bencana dan malapetaka.

بَارِكْ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ  
الآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ  
الْعَلِيمُ، أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ، وَلِسَائِرِ  
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا  
فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ.